

Kenyataan Media Peguam

Pihak Pembelaan telahpun memasukkan representasi pada 8 Disember 2022 dan 25 Januari 2023 dengan lebih 200 muka surat kepada pihak Pendakwaan yang mana antara lain memohon agar keadilan terhadap Dato' Seri Ahmad Zahid Bin Hamidi diberikan dan semua pertuduhan dikaji semula di dalam kes ini.

Sehingga hari ini, pihak pembelaan masih tidak menerima sebarang jawapan daripada pihak Peguam Negara. Justeru, pihak pembelaan memohon untuk keputusan representasi ini disegerakan sebelum pihak pembelaan memanggil lebih ramai saksi-saksinya untuk perbicaraan ini. Jawapan representasi ini diperlukan segera bagi memastikan kos dan masa dapat dijimatkan oleh kedua-dua belah pihak.

Anak-guam kami juga telah dirakamkan percakapannya sekali lagi selepas representasi ini dimasukkan di SPRM pada Jun 2023.

Antara isu-isu yang di ketengahkan di dalam representasi tersebut termasuklah isu-isu di dalam perbicaraan sebelum ini dan keterangan-keterangan baharu yang diperolehi ketika pihak kami membuat persiapan sebelum dan ketika sesi pembelaan bermula tempoh hari.

Oleh kerana isu-isu yang di ketengahkan ini masih dikaji oleh pihak siasatan dan pendakwaan, maka pihak kami tidak boleh memberi butiran yang lebih spesifik terhadap isi kandungannya. Namun secara am antara topik yang diketengahkan adalah;

1. Terdapat Pendakwaan bersifat politik di dalam kes ini oleh Tommy Thomas, Peguam Negara ketika itu.

2. Pelantikan Peguam Negara yang dibuat oleh Perdana Menteri ketika itu Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk menuduh anak-guam kami.
3. Pertuduhan itu dibuat kerana keengganan anak-guam untuk membubarkan UMNO sehingga menyebabkan anak-guam dituduh.
4. Kecacatan siasatan yang dijalankan akibat dari tempoh siasatan yang singkat (4 bulan sahaja dari tarikh siasatan bermula) akibat dari kegopohan untuk menuduh anak-guam.
5. Terdapat keterangan-keterangan baharu yang kukuh untuk representasi dilakukan oleh pihak kami.

Pihak peguam juga ingin menyatakan bahawa ia adalah perkara biasa untuk memasukkan representasi kepada pihak Peguam Negara bagi mana-mana orang yang sedang berhadapan dengan kes jenayah dan menjadi hak seseorang yang dituduh untuk melakukannya.

Representasi tersebut boleh dimasukkan pada bila-bila masa, dan di dalam mana-mana peringkat juga sekiranya seseorang yang dituduh mempunyai asas yang kuat dan terdapat banyak kepincangan di dalam pertuduhan ke atasnya termasuklah jika terdapat salah guna kuasa terhadap pendakwaan, isu-isu siasatan, keterangan saksi-saksi kes dan sebagainya.

Justeru, kami percaya adalah amat tidak adil untuk mana-mana pihak yang cuba campur tangan dan mempolitikkan isu ini. Tambahan pula, anak-guam kami adalah seorang yang dituduh yang kini sedang menjalankan haknya untuk memasukkan representasi di peringkat ini.

Pihak kami berpandangan bahawa langkah pihak pembelaan melakukan proses representasi tersebut adalah berdasarkan kepada hak anak-guam untuk

melakukan langkah-langkah mengikut proses perundangan sebagaimana yang terdapat di dalam sistem perundangan yang diamalkan di negara ini.

Mana-mana pihak tidak seharusnya menggunakan fakta representasi tersebut untuk kepentingan politik, atau menakut-nakutkan orang ramai dengan memberi sangkaan buruk terhadap representasi tersebut. Pihak kami akan mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang memprejudiskan hak anak-guam kami di dalam mempraktikkan haknya bagi representasi ini.

DATUK HJ HISHAM TEH POH TEIK

DATO ZAIDI ZAINAL

HAMIDI MOHD NOH